

**Najib Cergas Dan Bersahaja Kongsi Wawasan Dapat Sambutan Hangat Di Selama Bernama  
26 April, 2013**

SELAMA, 26 April (Bernama) -- Di sebalik jadual padat berkempen yang sudah memasuki hari ketujuh, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak kelihatan begitu cergas dan bersahaja berkongsi wawasan Barisan Nasional (BN) ketika berucap di hadapan kira-kira 10,000 penduduk di Kampung Sungai Bayor, di sini.

Penyokong Barisan Nasional (BN) yang membentuk lautan biru menyambut ketibaan Najib di padang Sekolah Kebangsaan Sungai Bayor di sini dengan tepukan gemuruh dan laungan 1Malaysia.

"Hari ini saya mendapat sambutan yang luar biasa di sini. Apabila saya bersalam pun saya terasa ada "karan" (arus elektrik) dan ada yang tak nak lepaskan tangan," katanya.

Mengunjungi kawasan yang pernah dikunjungi ayahandanya Tun Abdul Razak Hussein pada tahun 1967, Najib berkata beliau menyambung "perjuangan yang belum selesai".

Ucapan Najib yang bersahaja pada majlis itu mencuit hati para hadirin dari pelbagai lapisan masyarakat.

Beliau yang belum makan tengah hari berkata "kurang makan tak apa tetapi jangan kurang undi" itu telah mendapat sorakan dan tepukan para hadirin.

Najib juga melontarkan soalan siapa yang sesuai menjadi perdana menteri.

"(Datuk Seri Anwar Ibrahim) Anwar tidak layak jadi perdana menteri kerana banyak sebab.

"Adakah (Presiden PAS), Datuk Seri Abdul Hadi Awang (Para hadirin menjawab tidak). Adakah (veteran DAP) Lim Kit Siang (Tidak).

"Saya tawarkan diri untuk menjadi perdana menteri untuk memimpin negara ini sebab dalam empat tahun ini, saya telah menunaikan banyak program untuk rakyat," katanya yang terus mendapat tepukan gemuruh.

Sementara itu, dalam ucapannya, Najib berikrar BN akan terus bekerja bersungguh-sungguh sekiranya diberi mandat baharu dalam pilihan raya umum ini untuk membawa Malaysia ke mercu kejayaan.

Beliau berkata BN yang menyalurkan pelbagai bantuan seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) bertujuan untuk meringankan beban rakyat.

"Pembangkang telah menganjurkan Bersih yang tidak membawa apa-apa faedah. Namun, BN telah mewujudkan BR1M untuk membantu rakyat... Saya memberi jaminan BR1M 3.0 akan lebih baik dan ini termasuk dalam Aku Janji BN. BR1M akan ditambah secara berperingkat dalam lima tahun akan datang.

"Inilah kerajaan kita yang sentiasa mendahulukan rakyat.

"Dalam empat tahun, Malaysia telah menunjukkan kejayaan. Saya memberi jaminan dalam tempoh lima tahun akan datang, Insha-Allah lebih baik dan hebat," katanya.

Pada majlis yang sama, Najib berkata BN akan membina Institut Kemahiran Mara (IKM) di sini dan cadangan itu akan dimasukkan dalam Aku Janji sekiranya BN mendapat mandat baharu.

Sebelum itu, Najib menunaikan solat Jumaat di Masjid Al-Aziziah di sini bersama kira-kira 1,000 jemaah.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=945438>